



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 31/12/2018 |

Dr M dinobatkan Lelaki Muslim Paling Berpengaruh Dunia

BH - 31/12/2018 m/s: 12

➔ Pengiktirafan berikutan miliki perjalanan kerjaya politik luar biasa

Oleh Siti Nur Mas Erah Amran
cnews@nstp.com.my

✦ Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad dinobatkan sebagai Lelaki Muslim Paling Berpengaruh Dunia oleh penerbitan *The Muslim 500* bagi 2019 kerana kecemerlangan dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pemimpin.

Sempena ulang tahun ke-10 penerbitan itu, Perdana Menteri disifatkan sebagai pemimpin tertua di dunia yang memiliki perjalanan kerjaya politik luar biasa.

Felo Institut Kajian Dasar Luar Negara di Institut Pengajian Islam Aal al-Bayt, Jordan, Prof S Abdallah Schleifer, berkata selain berpengalaman selama 70 tahun dalam tadbir urus kerajaan, Dr Mahathir turut menerbitkan 17 buku yang

menceritakan latar belakang serta kemelut ekonomi negara, malah menyenaraikan rancangan-rancangnya untuk mengatasi masalah dihadapi.

Katanya, ketokohan beliau dalam menjawat jawatan sebagai Perdana Menteri selama 22 tahun disifatkan sebagai tempoh terpanjang, mengatasi mana-mana pemimpin negara dan kemenangannya dalam Pilihan Raya Umum (PRU) sebanyak lima kali berturut-turut berjaya membawa Malaysia ke arah pemodenan serta pertumbuhan ekonomi yang pesat.

Alami ledakan ekonomi

"Gelaran 'Harimau Asia' yang diberi kepada Malaysia ketika era pemerintahannya daripada 1981 hingga 2003 menyaksikan negara mengalami ledakan ekonomi sehingga digeruni negara jiran.

"Asas pertumbuhan ekonomi negara diperkukuhkan beliau pada 1969 ketika rusuhan berlaku disebabkan perselisihan antara orang Melayu dan masyarakat Cina yang dilihat lebih mendominasi sektor perniagaan ketika itu.

"Masyarakat Cina membentuk kira-kira sepertiga daripada jumlah penduduk, tetapi pada 1960-an mereka mendominasi sebahagian besar sektor komersial, manakala kira-kira 56 peratus orang Melayu kebanya-

kannya adalah petani dan hanya menunjukkan sedikit minat terhadap bidang perniagaan.

"Pada akhir 1960-an, beberapa ratus saja perniagaan bersaiz kecil dan sederhana yang dijalankan dimiliki oleh orang Melayu dan daripada jumlah profesional berdaftar pada 1970, hanya 4.9 peratus terdiri daripada orang Melayu," katanya dalam satu kenyataan.

Perkenal DEB

Mengulas lanjut, beliau berkata Dr Mahathir memainkan peranan utama dalam memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan untuk merapatkan jurang dan menyamaratakan perkembangan ekonomi antara kaum.

Katanya, banyak sekolah menengah yang dibina di kawasan luar bandar; selain biasiswa diberikan kepada orang Melayu untuk mengikuti pengajian di sekolah di kawasan bandar dan kuota ditetapkan bagi kemasukan ke universiti untuk memastikan lebih ramai golongan Bumiputera dapat menerima pendidikan.

"Sejumlah besar kontrak dan lesen kerajaan diberikan kepada orang Melayu untuk menggalakkan pembabitannya dalam bidang perniagaan yang di-monopoli oleh orang Cina dan

apabila dasar terbabit tamat pada Disember 1990, hasilnya amat memberangsangkan.

"Kurangnya kemiskinan dalam kalangan orang Melayu dan mereka melangkah ke era urbanisasi dan merentasi ekonomi arus perdana di samping menikmati kekayaan negara dalam jumlah yang lebih besar," katanya.

Abdallah bagaimanapun berkata, ledakan ekonomi Asia berlaku apabila tekanan daripada pedagang mata wang menyebabkan kerajaan Thailand terpaksa menukar mata wang Baht kepada dolar Amerika Syarikat.

Katanya, langkah itu mengakibatkan nilai mata wang Baht jatuh pada 2 Julai dan Dr Mahathir menyifatkan 'teologi perdagangan mata wang' yang berlaku mampu melemahkan ekonomi negara jiran.

"Pakar ekonomi dan peniaga mata wang global menegaskan, nilai mata wang Baht yang menurun akan menjadikan Thailand lebih berdaya saing dan akan menghakis perdagangan Malaysia," katanya.

Sementara itu, remaja Palestin, Ahed Tamimi, 17, pula diumumkan sebagai wanita Islam paling berpengaruh menerusi gelaran 'Muslim Woman of the Year' kerana keberaniannya menampar tentera Israel pada Disember 2017.